

Prestasi Negeri Sembilan pada landasan kukuh capai negeri maju

Sektor ekonomi berkembang, menyumbang peningkatan KDNK

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Negeri Sembilan berada pada landasan kukuh untuk mencapai negeri maju apabila prestasi sektor ekonomi terus menunjukkan peningkatan positif yang menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025 (RPNS 2021-2025) yang bakal dilancarkan menjadi panduan dalam usa-

ha membawa hala tuju positif kepada pembangunan negeri adat Perpatih itu.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata RPNS menggariskan lima teras utama iaitu memperkukuh pertumbuhan ekonomi melalui pengenalpastian sektor bernilai tinggi dan strategik.

Katanya, selain itu hubung kait sektor ekonomi yang lebih kuat dan galakan diversiti sektor ekonomi yang akan memberi kesan limpahan yang tinggi dan inklusif.

"Kedua adalah meningkatkan daya saing perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) sebagai peneraju pertumbuhan manakala ketiga, menjana sumber ekonomi baharu berasaskan kelestarian alam sekitar.

"Faktor keempat, memperbaiki pengalihan pendapatan luar bandar melalui pemeraksanaan

sektor pertanian yang lebih produktif dan berintensifkan teknologi. Kelima, mendaya upaya modal insan dan bakat bagi menyokong pertumbuhan ekonomi," katanya kepada BH.

Lonjak sektor ekonomi

Beliau berkata, bidang tumpuan berkenaan dijangka dapat melonjakkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menurutnya, KDNK negeri turut dijangka tumbuh antara 4.6 peratus sehingga 5.5 peratus bagi tempoh 2021 sehingga 2025 iaitu pertumbuhan yang lebih baik berbanding 2.1 peratus bagi tempoh 2016 sehingga 2020.

"Secara keseluruhannya, prestasi kutipan hasil sehingga 30 Jun 2022 adalah lebih baik berbanding untuk tempoh sama tahun lalu apabila mencecah

RPNS menggariskan lima teras utama iaitu memperkukuh pertumbuhan ekonomi melalui pengenalpastian sektor bernilai tinggi dan strategik

Aminuddin Harun,
Menteri Besar Negeri Sembilan



RM284.93 juta bersamaan 65.96 peratus berbanding RM234.93 juta (52.44 peratus)," katanya.

Menurutnya, tidak dinafikan pandemik COVID-19 jelas memberi kesan kepada kutipan hasil bagi tempoh antara 2020 hingga 2021, yang setiap kerajaan negeri menghadapinya.

Namun, beliau berkata kutipan hasil pada 2022 akan menghampiri sasaran belanjawan negeri sebanyak RM432 juta.

"Kerajaan negeri sentiasa komited dan beriltizam untuk terus memperkasa dan membela nasib rakyat. Ini termasuk apabila persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 9 dan 10 Ogos lalu, telah meluluskan usul berkaitan isu kenaikan kos sara hidup yang menyebabkan tekanan tinggi kepada rakyat.

"Ia membuktikan komitmen kepemimpinan kerajaan negeri dalam usaha membantu dan membela nasib rakyat Negeri Sembilan. Kita turut menzahirkan keprihatinan, apabila menyediakan peruntukan khas berjumlah RM5 juta bagi menjayakan inisiatif Jualan Harga Ladang Nismilan Prihatin, yang akan diadakan di seluruh daerah bermula 1 September hingga 31 Disember 2022," katanya.

Jelas Menteri Besar, inisiatif ini akan mengemblem kerjasama dengan semua pihak sama ada pengeluar, penternak, petani dan agensi kerajaan supaya dapat menjual beberapa barangan keperluan asas rakyat pada harga ladang, sekali gus mengahpuskan elemen tengah.

Strategi serampang dua mata

"Inisiatif ini strategi serampang dua mata yang akan memberi impak positif dan dinikmati rakyat sebagai pembeli dan juga pengeluar, penternak serta usahawan tani yang terbahit secara langsung dalam membekalkan produk berkenaan.

"Inisiatif lain yang turut disediakan kerajaan negeri termasuk Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) dan TUNS Plus, Insentif Galakan Nelayan (InGEN), Petani Muda dan Siswazah Tani (Insist-9)," katanya.

Mengenai indeks pengguna di Negeri Sembilan, Aminuddin ber-

kata sehingga Jun 2022, hakikatnya kesemua negeri menunjukkan peningkatan dalam inflasi.

Beliau berkata, indeks harga pengguna di Negeri Sembilan turut meningkat daripada 123.6 kepada 127.2 iaitu peningkatan sebanyak 2.9 peratus.

"Kadar inflasi di Negeri Sembilan setakat ini hanya pada paras 2.9 peratus iaitu lebih rendah berbanding nasional 3.4 peratus," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi suku pertama tahun 2022, keseluruhan kerugian yang ditanggung kerajaan Negeri Sembilan akibat bencana banjir yang lalu berjumlah RM77.1 juta.

"Ia merangkumi kehilangan atau kerosakan kediaman sebanyak RM45.6 juta, kemusnahan kenderaan (RM18.3 juta), kemusnahan ruang perniagaan (RM12.1 juta) dan kerugian disektor pembuatan sebanyak RM1.2 juta.

"Bagaimanapun kerajaan negeri telah menyalurkan bantuan wang tunai dan peralatan kepada mangsa banjir termasuk kepada petani dan peladang," katanya.

Mengulas mengenai prestasi kewangan kerajaan negeri, beliau berkata, pengurusan kewangan masih berjalan dengan cekap dan berkesan dalam memastikan supaya semua defisit belanjawan berkenaan dibelanjakan secara bersasar.

Katanya, hasil kajian mendapati secara umumnya setiap 1.0 peratus peningkatan nisbah perbelanjaan mengurus cenderung untuk menjana 1.3 peratus KDNK negeri.

"Peningkatan 1.0 peratus kepada KDNK itu berpotensi menjana peningkatan jumlah hasil sebanyak 0.8 peratus," katanya.

Jelas Aminuddin lagi, prestasi pertumbuhan ekonomi negeri sepanjang tahun lalu menunjukkan kemajuan yang amat memberangsangkan, sekali gus menyumbang kepada peningkatan KDNK negeri.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan negeri sudah menetapkan sasaran untuk mencapai status negeri maju berpendapatan tinggi.

Justeru katanya, Negeri Sembilan memerlukan KDNK berkembang pada kadar minimum 5.5 peratus setahun untuk tempoh 10 tahun.

#NegeriSembilan
Berih • Musikal • Sayahera

Selamat Menyambut
HARI KEBANGSAAN

YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun
Menteri Besar Negeri Sembilan
Kerajaan Negeri dan Seluruh Rakyat
Negeri Sembilan Darul Khusus